

DATE: 04/05/1983

## Penerbangan MAS: Mahathir diminta campur tangan

JOHOR BAHRU 3 Mei - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad diminta campur tangan bagi menyekat rancangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan penerbangan terus berulang alik dari Singapura ke Kuantan dengan memberhentikan penerbangan dari Sinai ke Kuantan.

Satu memorandum mengenainya telah dihantar kepada Perdana Menteri dan salinannya kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, kata Pengerusi Persatuan Pelancongan Negeri Johor, Encik Mohd. Ali bin Haji Hashim hari ini.

Beliau memberitahu, campur tangan yang diminta dari Perdana Menteri kerana Persatuan Pelancongan Negeri Johor memandang berat rancangan MAS itu.

Sekiranya rancangan tersebut diteruskan bukannya sahaja menjejaskan secara langsung pusat-pusat pelancongan yang sedang berkembang di Negeri Johor tetapi akan menjejaskan juga kemampuan negara untuk

menambahkan pendapatan wang asing.

Pada masa sekarang MAS mengadakan dua penerbangan ke Kuantan dari Senai tiap-tiap minggu.

Dengan cara tersebut sama ada mahu atau tidak pelancong terpaksa masuk ke Johor Baharu lebih dahulu.

Tetapi sekiranya penerbangan dari Senai ke Kuantan itu diberhentikan dan digantikan dengan penerbangan terus berulang alik dari Singapura ke Kuantan sudah tentu menjejaskan pusat-pusat pelancong di Negeri Johor yang sedang berkembang.

Di samping itu usaha kerajaan untuk menambah pendapatan wang asing juga turut terjejas.

Ini disebabkan penerbangan terus dari Singapura ke Kuantan akan dibahagi dua dengan Syarikat Penerbangan Singapura (SIA), kata Encik Mohd. Ali.

Beliau menjelaskan, sejak MAS mengadakan penerbangan dari Senai ke Kuantan pada bulan Ogos 1982 sambutan dari penumpang-penumpang sangat memuaskan.